

Hubungan Malaysia-Vietnam diperkasa - PM

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu terus memperkasa hubungan antara Malaysia dan Vietnam sempena ulang tahun ke-50 jalinan diplomatik kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, perkara itu disampaikan ketika mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Dewan Rakyat Vietnam, Vuong Dinh Hue.

Menurut beliau, Dewan Rakyat Malaysia berhasrat untuk mempergiatkan hubungan dengan Dewan Rakyat Vietnam bagi menggalakkan kerjasama dan persefahaman lebih erat menerusi dialog antara parlimen dan pertukaran maklumat antara kedua-dua negara.

“Saya nyatakan keperluan untuk Malaysia dan Vietnam terus bekerjasama dan berkongsi kepakaran dalam bidang dikuasai sekali gus mendapat manfaat bersama.

“Semoga hubungan Malaysia dan Vietnam terus diperkasa sempena ulang tahun ke-50 pe-



ANWAR Ibrahim ketika mengadakan kunjungan hormat ke atas Vuong Dinh Hue di Hanoi semalam.

nubuhan hubungan diplomatik kedua-dua negara,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pada masa sama, Anwar semalam memulakan hari kedua lawatan rasminya di Hanoi dengan

bertemu komuniti perniagaan dalam program Forum Perniagaan Malaysia-Vietnam.